

Cara Penggunaan Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Risalah maklumat ubat untuk pengguna mengandungi maklumat penting mengenai ubat preskripsi dan bukan preskripsi yang berdaftar di Malaysia. RiMUP ini dihasilkan oleh syarikat farmaseutikal yang bertanggungjawab ke atas setiap ubat di Malaysia, mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh BPFK.

Apakah maklumat yang terkandung dalam RiMUP?

1. Nama ubat anda, bahan aktif dan kekuatan
2. Kegunaan ubat anda
3. Bagaimana ubat anda berfungsi
4. Apa yang anda perlu tahu sebelum mengambil ubat anda
5. Cara untuk mengambil ubat anda
6. Apa yang anda perlu tahu semasa mengambil ubat anda
7. Kesan-kesan sampingan yang mungkin
8. Cara penyimpanan dan pelupusan ubat yang tidak digunakan
9. Keterangan lanjut mengenai ubat anda
10. Maklumat dan cara menghubungi syarikat farmaseutikal

Bagaimana untuk mencari sesuatu RiMUP?

1. Gunakan [enjin carian \(search engine\)](#) pada laman web BPFK.
2. Masukkan nama jenama ubat anda (biasanya teks yang paling besar pada label ubat) ataupun nama bahan aktif (terdapat pada label ubat).
3. Pilih ubat yang betul dari senarai. Periksa dengan teliti untuk memastikan nama ubat pada risalah adalah **tepat** seperti nama pada label ubat anda.
4. Pilih risalah dalam Bahasa Malaysia (BM) atau Bahasa Inggeris (sesetengah ubat mengandungi kedua-dua bahasa di dalam satu risalah).
5. Muat turun atau cetak risalah ubat anda.

Bagaimana untuk menggunakan sesuatu RiMUP?

1. Selalu baca keseluruhan risalah sebelum mula mengambil ubat anda.
2. Simpan risalah di tempat yang selamat kerana anda mungkin perlu merujuknya semula.
3. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda. Jangan gunakan risalah ini untuk mendiagnosis atau mengubati penyakit sendiri tanpa nasihat doktor atau ahli farmasi.
4. Ambil perhatian khusus sekiranya:
 - a. Anda mempunyai sebarang penyakit lain (lihat bahagian '*Sebelum anda menggunakan ubat ini*')
 - b. Anda sedang mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat bukan preskripsi, krim, ubat tradisional, atau supplemen kesihatan (lihat bahagian '*Mengambil ubat-ubatan lain*')
 - c. Anda sedang atau pernah mengalami reaksi alahan terhadap sebarang ubat
 - d. Anda sedang mengandung atau menyusukan anak
 - e. Ubat ini akan digunakan pada pesakit yang tua atau kanak-kanak